

D842

U B622 DEB
PARLIMEN - MAHATHIR (SABAH)

KUALA LUMPUR, 19 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT HARI INI BAHAWA KERAJAAN PERSEKUTUAN TIDAK BERCADANG MENGISYTIHARKAN DARURAT DI SABAH JIKA IA DAPAT DIELAKKAN.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENGAKUI BAHAWA KERAJAAN MERASA BIMBANG PADA PERKEMBANGAN YANG SEDANG BERLAKU DI NEGERI ITU.

KATANYA, KERAJAAN TERPAKSA BERHATI-HATI DALAM TINDAKANNYA KERANA BUKAN SAHAJA SOAL KESELAMATAN TETAPI ADA JUGA MEMBABITKAN POLITIK.

BELIAU BERKATA: +KITA TELAH CUBA Mencari penyelesaian politik, malangnya ada pihak yang tidak begitu tertarik dengan cara ini.+

+MEREKA MEMPUNYAI CARA PENYELESAIAN TERSENDIRI,+ TEGAS DATUK SERI DR MAHATHIR SEMASA MENJAWAB HUJAHAN YANG DIBANGKITKAN PADA PERBAHASAN USUL TERIMA KASIH ATAS TITAH DIRAJA. -- LAGI.

2036MST 19 03 86

D844

U B624 DEB
PARLIMEN - MAHATHIR (SABAH) 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA KERAJAAN PERSEKUTUAN BERHARAP CARA YANG DISYORKAN OLEH PIHAK ITU TIDAK BERJAYA.

+SEBAGAI KERAJAAN PERSEKUTUAN, KITA TIDAK AKAN MEMIHAK KEPADA MANA-MANA PIHAK TETAPI AKAN MENENTUKAN KEAMANAN WUJUD DAN PILIHAN RAYA DIADAKAN,+ TEGAS BELIAU.

BELIAU MENYIFATKAN KEADAAN DI SABAH SEBAGAI TEGANG MEMANDANGKAN PERNIAGAAN TELAH TERHENTI DI BEBERAPA BUAH BANDAR UTAMA DAN SEKOLAH DITUTUP KERANA PARA IBU BAPA TIDAK BEGITU SENANG HATI MENGHANTAR ANAK-ANAK MEREKA KE SEKOLAH.

BELIAU JUGA BERKATA, PENDUDUK DI BEBERAPA TEMPAT TIDAK LAGI BERANI MENINGGALKAN RUMAH, BAHKAN ADA YANG BERSIAP SEDIA MEMPERTAHANKAN DIRI ATAU MENGADAKAN SERANG BALAS.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN MEMBERI JAMINAN BAHAWA PIHAK POLIS AKAN MENJALANKAN TUGAS MEREKA SEPERTI BIASA TANPA PILIH KASIH, DAN KATANYA WALAUPUN KEADAAN TEGANG, PADA KESELURUHANNYA KESELAMATAN TERKAWAL. -- LAGI.

2040MST 19 03 86

D846

U B626 DEB
PARLIMEN - MAHATHIR (SABAH) 3 KUALA LUMPUR

SEHINGGA INI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, POLIS MENAHAN HAMPPIR 800 ORANG DAN MEREKA YANG DITANGKAP YANG BUKAN WARGANEGARA MALAYSIA TELAH DIKELUARKAN DARI SABAH.

BELIAU BERKATA TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP SESIAPA JUGA YANG DIDAPATI TERBABIT DENGAN KEGIATAN JENAYAH.

BELIAU JUGA BERKATA SEGALA USAHA AKAN DIBUAT UNTUK MENENTERAMKAN KEADAAN DAN MEMULIHKAN KEAMANAN SUPAYA PILIHAN RAYA NEGERI ITU DAPAT DIADAKAN.

BELIAU MENGULANGI KATA-KATANYA BAHAWA PIHAK POLIS MAMPU MENJAGA KESELAMATAN DAN JIKA PERLU PASUKAN TAMBAHAN DARI SEMENANJUNG AKAN DIHANTAR.

-- BERNAMA.

2043MST 19 03 86